

05 OCT 1998

JEPUN-PINJAMAN/I

MALAYSIA AKAN DAPAT AS\$2 BILION DARI JEPUN

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Malaysia dijangka menerima AS\$2 bilion di bawah pakej bantuan Jepun bernilai AS\$30 bilion bagi menstabilkan ekonomi yang terjejas di empat negara Asean dan Korea Selatan.

Negara-negara Asean lain yang tergolong di bawah bantuan itu adalah Thailand, Filipina dan Indonesia.

Duta Jepun Issei Nomura berkata bahawa kerajaan Jepun sedang bekerja keras bagi pembayaran segera pinjaman-pinjaman itu.

"Adalah di dalam perhatian saya bahawa Malaysia akan mendapat pembahagian pinjaman yang wajar dan besar," beliau memberitahu pemberita pada persidangan Persatuan Gedung Peniagaan Jepun yang diadakan di sini, yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kami harap kami boleh menyalurkan AS\$2 bilion kepada Malaysia, tetapi ini adalah sesuatu yang belum lagi ditetapkan dan jumlah sebenar hanya ditentukan selepas kami telah mengkaji pelbagai kemudahan dan projek yang sedang dilaksanakan," katanya.

Nomura berkata, ke arah matlamat itu, kedua-dua agensi kerajaan iaitu Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kini mengadakan perundingan berkaitan dengan penyaluran pinjaman yen.

Pakej yang diumumkan hujung minggu lalu menunjukkan kesungguhan dan tanggung jawab Jepun untuk membantu negara-negara di rantau ini mengatasi krisis kewangan.

Daripada angka tersebut, AS\$15 bilion akan digunakan untuk menampung keperluan kewangan jangka sederhana bagi menggalakkan pemulihan ekonomi di Malaysia, Thailand, Indonesia, Filipina dan Korea Selatan.

Selebihnya adalah bagi keperluan modal jangka pendek memandangkan negara-negara berkenaan melaksanakan pembaharuan ekonomi.

Jepun berharap bahawa inisiatifnya akhirnya akan menyebabkan penggunaan lebih luas yen dan satu kriteria Tabung Kewangan Asia.

Mengenai langkah-langkah kawalan matawang yang diumumkan oleh kerajaan Malaysia untuk menebat ekonomi, Nomura berkata, "Kami harap langkah-langkah itu akan membuahkan hasil yang positif dan membantu ekonomi pulih segera."

-- BERNAMA

AA KTC OS